

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI ABDUL KARIM
[BATANG LUPAR]
TARIKH : 4 JULAI 2019
MENJAWAB
SOALAN NO. 47

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah mengkaji kaitan antara perbuatan mengekori atau menghendap secara berulang dengan perbuatan jenayah serius terutamanya terhadap mangsa wanita yang telah dibunuh.

JAWAPAN:

Pada 30 Mei 2019, saya telah mengadakan mesyuarat bagi membincangkan dasar berhubung keperluan bagi menjadikan kesalahan menghendap sebagai suatu jenayah. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada Pejabat Peguam Negara, agensi-agensi dan kementerian yang berkaitan serta pertubuhan bukan kerajaan.

Berdasarkan mesyuarat tersebut, satu jawatankuasa khas akan ditubuhkan bagi mengkaji cadangan dan mekanisme untuk menjadikan kesalahan menghendap sebagai suatu jenayah di negara ini. Kajian ini adalah terhad kepada keperluan bagi menjadikan kesalahan menghendap sebagai suatu jenayah dan tidak meliputi kaitan menghendap dengan jenayah lain. Persoalan sama ada hendak dikaitkan atau tidak dengan kesalahan jenayah menghendap dalam sesuatu pertuduhan membunuh adalah bergantung kepada fakta kes.

Sekian, terima kasih.